



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA

E-BULETIN

INSOLVENSİ

EDISI : JANUARI – MAC 2025

Sesi Amanat Tahun 2025

*Malaysia Cross-Border
Insolvency Conference 2025*

Santuni Madani – Go Green Muara
Sungai Besut, Terengganu



**MALAYSIA
MADANI**

SESI AMANAT TAHUN 2025

DISEMPURNAKAN OLEH:
YBHG. DATUK M. BAKRI ABD MAJID
KETUA PENGARAH INSOLVENSİ



"Tahun 2025 adalah masa untuk kita semua melangkah lebih jauh, berani berubah, dan terus maju ke hadapan demi mencapai aspirasi Kerajaan MADANI."

Ketua Pengarah Insolvensi



Majlis Amanat Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia 2025 telah diadakan bertempat di Dewan Sari, Putrajaya sebagai wadah untuk bertemu dengan warga kerja Mdi bagi menyampaikan aspirasi dan hala tuju jabatan.

FOKUS UTAMA

Pencapaian Tahun 2024:

Pelepasan 176,851 kes kebankrapan, melangkaui sasaran yang telah ditetapkan melalui Dasar Peluang Kedua.

DASAR PELUANG KEDUA

MAC 2023 – JUN 2024

142,510
BANKRAP
DILEPASKAN

SEHINGGA DISEMBER 2024

176,851
BANKRAP TELAH
DILEPASKAN

Dasar Peluang Kedua 2.0:

Perluasan skop untuk penyelesaian kes individu dan syarikat dengan garis masa yang lebih singkat.

**AGENDA
PENTADBIRAN
INSOLVENS**



01 DASAR PELUANG KEDUA 2.0

- ✓ Dasar Peluang Kedua Syarikat & Perluasan Dasar Peluang Kedua Individu

**02 PENTADBIRAN INSOLVENS
INDIVIDU DAN SYARIKAT**

- ✓ Bersifat Semasa (Current)
- ✓ Tidak Dibelenggu Dengan Tunggakan Kes

Pendigitalan & Teknologi:

Komitmen jabatan untuk memodenkan pentadbiran dengan pendigitalan dokumen dan pengurusan aset yang lebih cekap.

PENGURUSAN INSOLVENS



- 1 Penghijrahan Minda Dengan Membudayakan Kerja Yang Baharu
- 2 Era Digitalisasi Dan Kecerdasan Buatan (AI)
- Perlaksanaan Pelan Induk Enterprise Architecture (Ea)
- 3 Pengukuhan Pengurusan Aset Jabatan
- 4 Rasionalisasi Perjawatan Dan Dasar Pusingan Kerja

8 Februari 2025

Program Santuni Madani – Go Green Muara Sungai Besut, Terengganu



Jambatan Kuala Besut (Kampung Pekan Lama)

Jabatan Insolvensi Malaysia terus komited menyantuni masyarakat melalui penyertaan dalam program berbentuk pemuliharaan alam sekitar. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk M. Bakri Abd Majid, Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia dan melibatkan penyertaan warga kerja Mdi dari Terengganu, Kelantan dan Putrajaya.

Aktiviti utama termasuklah *plogging*, pemangkasan pokok serta kutipan 115kg sisa bukan organik, menjadikan ia satu usaha kolektif yang berimpak kepada kelestarian alam sekitar.

Kerjasama erat bersama Geng Plastik Ija (GPI), JKPP, Majlis Daerah Besut dan Pejabat Tanah & Daerah Besut menyerlahkan semangat komuniti yang harmoni dan peduli.

Mdl merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan semua pihak dalam menjayakan program ini.





Jabatan Insolvensi Malaysia telah menganjurkan forum antarabangsa *Malaysia Cross Border Insolvency Conference 2025* yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) pada 25 Februari 2025 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).



Forum antarabangsa dengan tema *Navigating Cross-Border Insolvency: Challenges and Prospects for Malaysia* yang julung kali dianjurkan oleh Mdi ke arah untuk memperkasakan perundangan Insolvensi negara terutamanya dalam perundangan berkaitan Insolvensi rentas sempadan. Penganjuran forum ini sebagai platform untuk mendapatkan input dan pandangan daripada pentadbir dan pengamal Insolvensi dalam memenuhi amalan Insolvensi rentas sempadan.



Pentas forum ini menyaksikan panel-panel terkemuka yang dijemput khas daripada Singapura, Hong Kong, Korea dan Indonesia yang akan berkongsi kepakaran dan pandangan berkenaan rentas sempadan Insolvensi seperti:

- ① *Topic: Current Challenges in the Cross-Border Insolvency Framework in Malaysia*
- ② *Topic: Cross-Border Insolvency Barriers: Strategies for Asset Tracing and Reciprocity*
- ③ *Topic: Cross-Border Insolvency Network: Building Capacity for Cross-Border Collaboration*
- ④ *Topic: What Next for Cross-Border Insolvency Law in Asia?*

Malaysia Cross-Border Insolvency Conference 2025



15 Januari 2025

Anugerah Prestasi Penggunaan Pembayaran Digital
Cemerlang bagi Kategori C

PENCAPAIAN



Jabatan Insolvency Malaysia telah menerima Anugerah Prestasi Penggunaan Pembayaran Digital Cemerlang bagi Kategori C dalam Kempen Pembayaran Tanpa Tunai dan Cek Peringkat Nasional Siri Ke-4 (Cashless Boleh 4.0)

KUNJUNGAN HORMAT

17 Januari 2025

Kunjungan Hormat YBhg. Datuk M. Bakri Abd Majid, Ketua Pengarah Insolvency Malaysia (KPI) ke atas YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

21 Januari 2025

Kunjungan Hormat YBhg. Datuk M. Bakri Abd Majid, Ketua Pengarah Insolvency Malaysia (KPI) ke atas YBhg. Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar, Peguam Negara Malaysia bertempat di Jabatan Peguam Negara.

5 Februari 2025

Kunjungan Hormat YBhg. Datuk M. Bakri Abd Majid, Ketua Pengarah Insolvency Malaysia (KPI) ke atas Y.A Puan Noor Ruwena binti Md Nurdin, Hakim Mahkamah Tinggi Taiping, Perak.

SESI LIBAT URUS

ke arah penggubalan Rang Undang-Undang
Insolvensi Rentas Sempadan 2025



Pembentangan oleh
Encik Fazril Sani bin Mohamed Fadzil
Pengarah Bahagian Penyiasatan dan
Penguatkuasaan, Mdi Ibu Pejabat

19 Mac 2025

Sesi libat urus ke arah
penggubalan Rang Undang-
Undang Insolvensi Rentas
Sempadan (Zon Timur)



Pembentangan oleh
Encik Fazril Sani bin Mohamed Fadzil
Pengarah Bahagian Penyiasatan dan
Penguatkuasaan, Mdi Ibu Pejabat

20 Mac 2025

Sesi libat urus ke arah
penggubalan Rang Undang-
Undang Insolvensi Rentas
Sempadan (Zon Sabah)

SESI LIBAT URUS

ke arah penggubalan Rang Undang-Undang
Insolvensi Rentas Sempadan 2025



21 Mac 2025

Sesi libat urus bersama agensi-agensı peringkat persekutuan dan Kerajaan Negeri ke arah penggubalan Rang Undang-Undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025

24 Mac 2025

Sesi libat urus ke arah penggubalan Rang Undang-Undang Insolvensi Rentas Sempadan (Zon Sarawak)



Pembentangan oleh
YBrs. Puan Azwarnida binti Affandi
Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi



YBhg. Datuk M. Bakri Abd Majid, Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia telah mengadakan lawatan rasmi ke beberapa cawangan Mdl bertujuan untuk meninjau pentadbiran operasi cawangan bagi memastikan tadbir urus yang lebih sistematik di samping menyantuni warga kerja Mdl di peringkat negeri.

Lawatan ini antara lain bertujuan untuk mendapatkan maklum balas secara langsung daripada warga kerja cawangan berhubung pelaksanaan tugas dan cabaran yang dihadapi oleh cawangan.





AKTIVITI CAWANGAN



Jabatan Insolvensi Cawangan Tawau, Sabah
Pembukaan Reruai
15 & 16 Januari 2025
(Dewan Arena Masyarakat Semporna)



Jabatan Insolvensi Cawangan Johor Bahru, Johor
Pembukaan Reruai
21 Mac 2025
(Menara TH Johor)



Jabatan Insolvensi Cawangan Ipoh, Perak
Sesi Libat Urus bersama Jabatan
Pertubuhan Pendaftaran Malaysia (JPPM)
Negeri Perak pada 27 Mac 2025



Jabatan Insolvensi Negeri Melaka
Sesi Kunjungan hormat ke atas
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB
Dato' Azhar bin Haji Arshad pada 12 Mac
2025



Jabatan Insolvensi Negeri Sembilan
Sesi kunjungan hormat dan perbincangan
bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan dan
Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri
Sembilan

AKTIVITI CAWANGAN



Jabatan Insolvensi Cawangan Kota Kinabalu, Sabah

Jemputan Taklimat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah pada 20 Februari 2025



Jabatan Insolvensi Negeri Kelantan

Jemputan Taklimat & Bengkel Hapuskira Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada 4 -5 Februari 2025



Jabatan Insolvensi Cawangan Kuching, Sarawak

Program Kongsi Rezeki agihan bubur lambuk anjuran Mdl Kuching & JPPH Sarawak pada 24 Mac 2025



Jabatan Insolvensi Cawangan Kuantan, Pahang

Program Mdl Prihatin di kediaman individu bankrap pada 23 Januari 2025



Jabatan Insolvensi Cawangan Temerloh, Pahang

Sesi kunjungan hormat & lawatan kerja oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Daerah Temerloh

AKTIVITI CAWANGAN



Jabatan Insolvency Cawangan Sib, Sarawak

Lawatan kerja oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Sib pada 19 Mac 2025



Jabatan Insolvency Cawangan Taiping, Perak

Jemputan ceramah di Pejabat Ukur Daerah Perak Utara pada 27 Januari 2025



Jabatan Insolvency Negeri Selangor

Jemputan taklimat kebangkrutan di RHB Bank Bhd pada 27 Februari 2025



Jabatan Insolvency Negeri Pulau Pinang

Jemputan taklimat & pembukaan reruai di Hospital Pulau Pinang pada 12 hingga 13 Februari 2025



Jabatan Insolvency Malaysia Putrajaya

Retreat Pengurusan Media dan Komunikasi Strategik Jabatan dan Agensi di bawah Undang-Undang dan Reformasi Institusi Tahun 2025 anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang pada 14 hingga 15 Februari 2025 bertempat di Akademi Perundangan Negara.

LIPUTAN MEDIA



Podcast Borak Hari Ini: Ramai yang sengaja mufliis selepas pinjam berjuta

Nasional

Ops Sky: Ramai penjawat awam bakal berstatus mufliis - KP MDI



Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi, Datuk M Bakri Abd Majid dalam podcast BH 'Borak Hari Ini' - Foto NSTP/Yazit Razali

Trend Membankrapkan Diri Sendiri Cetus Kebimbangan - KP Insolvensi

🕒 30/03/2025 12:01 PM



Pendigitalan MDI mampu tingkat kecekapan operasi

Dikl. Sarha Mohd Ali dan Iain Harris Aziz
Januari 18, 2025 @ 12:34pm
khnews@bh.com.my




Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi (MDI), Datuk M Bakri Abd Majid

Temu Bual Media Bersama Berita Harian



STATISTIK PELEPASAN KEBANKRAPAN

STATISTIK PELEPASAN KEBANKRAPAN MELALUI SIJIL KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BAGI TAHUN 2025 (JANUARI - MAC)



STATISTIK PELEPASAN AUTOMATİK DI BAWAH SEKSYEN 33C BAGI TAHUN 2025 (JANUARI - MAC)



Bekerja dengan Ikhlas

Antara Tanggungjawab dan Nilai Ibadah



Ikhlas bukan sekadar “buat kerja dengan baik”. Ia adalah “niat yang tulus dan jujur”-bekerja kerana tanggungjawab, amanah dan kerana kita mahu memberi sumbangan yang bermakna walaupun tidak dilihat.

Dalam konteks penjawat awam, keikhlasan itu penting kerana:

- Kita berkhidmat bukan untuk ganjaran semata-mata;
- Kita memikul amanah rakyat dan setiap keputusan kita memberi kesan kepada mereka

Mengapa keikhlasan itu penting dalam tugas harian?

Membina Integriti kerja

Individu yang ikhlas tidak menipu masa dan tidak ambil jalan mudah. Dia tetap jujur dan berpegang pada amanah walaupun tiada siapa yang memerhati.

Mengurangkan tekanan kerja.

Apabila kita bekerja kerana Allah dan bukan hanya manusia, hati lebih tenang dan tidak mudah kecewa apabila hasil tidak dihargai.

Meningkatkan kualiti tugas

Keikhlasan melahirkan ketelitian. Tugas dibuat dengan penuh amanah dan tanggungjawab.



"Those who work with sincerity don't need the spotlight..because they know, even if people don't see, Allah does."

TANYA DIRI ANDA!

- Adakah saya bekerja kerana tanggungjawab atau hanya kerana gaji?
- Pernahkah saya rasa tenang hanya kerana saya tahu saya sudah melakukan yang terbaik?
- Bagaimanakah cara saya memberi motivasi kepada diri sendiri bila semangat mula hilang?



"Keikhlasan adalah benih keberkatan. Walau hasilnya tidak segera terlihat, pahalanya tetap mengalir tanpa henti".



E-BULETIN

INSOLVENS

Diterbitkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Jabatan Insolvensi Malaysia